

**KEPERCAYAAN ANIMISME MENURUT PERSPEKTIF SUNNAH
NABAWI DAN AHLI ANTROPOLOGI BARAT:
SATU KAJIAN AWAL**

Mohd Khairulnazrin bin Mohd Nasir
Muhammad Syafee Salihin Hasan
Ishak bin Haji Suliaman

Abstract

Sunnah is the second authentic source for Muslims. Various knowledge can be gained from Sunnah as guidance to people since it encompasses various aspect of life including anthropology. One of the beliefs that is discussed by anthropologists is animism. Animism is a belief that everything exists in this world possess soul and spirit. It needs to be respected and worshipped. Animism is believed to be the oldest belief and the basis of all religions. This theory was first introduced by E. B. Tylor in the 19th century. This article will talk about animism through Sunnah perspective based on prophetic sayings and teachings and through western anthropologists' perspective based on the book *Primitive Culture* written by E. B. Tylor and others. Several aspects has been chosen in order to observe similarities and differences between those two perspectives. Based on the comparison done, it shows that there are more significant differences than similarities. Sunnah concluded that animism is blasphemous and deviant from Islamic teaching.

Pendahuluan

Artikel ini membahaskan kepercayaan animisme menerusi satu kajian awal secara perbandingan antara perspektif Sunnah Nabawi dan ahli antropologi Barat. Teori animisme mula dipelopori pada kurun ke-19 Masihi oleh Sir Edward Burnett Tylor.¹ Menurut beliau, animisme adalah suatu gambaran kepada bentuk kepercayaan masyarakat primitif. Teori ini dibina berdasarkan pengamatan beliau kepada kepercayaan-kepercayaan yang wujud dalam komuniti manusia yang masih primitif. Hasilnya, beliau telah mempelopori dua teori signifikan. Pertama, kepercayaan manusia primitif adalah animisme.

¹ Edward Burnett Tylor (2 Oktober 1832 - 2 Jan 1917), adalah seorang ahli antropologi Inggeris dan seorang profesor antropologi di Universiti Oxford, digelar bapa kepada bidang antropologi moden. Beliau adalah pelopor kepada suatu teori yang menggambarkan kepercayaan masyarakat primitif, iaitu animisme. Beliau juga pendukung kepada teori evolusi agama dan menjadikan animisme sebagai batu asas kepada semua kepercayaan-kepercayaan manusia di dunia. Lihat William H. Swatos dan Peter Kivisto, "Tylor Edward B." dalam *Encyclopedia of Religion and Society* (California: Rowman Altamira, 1998), 528 dan Paul A. Erickson dan Liam D. Murphy, *Readings for a History of Anthropological Theory* (Canada: University of Toronto Press, 2013), 29.

Kedua, teori evolusi agama iaitu animisme sebagai kepercayaan tertua dan menjadi asas kepada agama-agama dunia.² Dalam artikel ini penulis memilih beberapa topik dalam animisme untuk melihat sudut persamaan dan perbezaan antara perspektif Sunnah Nabawi dan ahli antropologi Barat. Penulis memilih sejumlah hadis yang dianggap mampu menonjolkan perspektif Sunnah Nabawi dengan jelas topik-topik berkenaan.

Definisi Animisme

Animisme adalah istilah dalam bidang antropologi yang merujuk kepada kepercayaan manusia purba atau primitif.³ Ahli antropologi bersepakat bahawa definisi animisme menurut etimologi berasal daripada *animaus* atau *anima* dalam bahasa Latin yang bermaksud jiwa, roh atau kehidupan.⁴ Menurut terminologi pula, animisme adalah kepercayaan bahawa setiap sesuatu yang wujud di muka bumi ini seperti batu, kayu, angin dan lain-lain mempunyai jiwa atau roh.⁵ Ia bersifat bebas daripada manusia tetapi mencampuri dan mempengaruhi urusan kehidupan manusia. Orang yang mempercayai animisme digelar sebagai “animis.”⁶

Menurut E. B. Tylor, animisme secara umumnya merujuk kepada suatu doktrin tentang roh dan semangat (*Philosophy of Souls and Spirits*).⁷ Animisme juga adalah kepercayaan tentang makhluk-makhluk berjiwa yang meliputi dua bentuk, iaitu kepercayaan bahawa manusia mempunyai jiwa yang kekal walaupun setelah kematiannya dan kepercayaan bahawa jiwa juga ada

² Teori animisme telah dipelopori oleh Edward Burnett Tylor (1832-1917) dalam bukunya *Primitive Culture: Research Into Development Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art and Custom* yang diterbitkan buat pertama kali pada April 1871.

³ Graham Harvey, *Animism: Respecting the Living World* (New York: Columbia University Press, 2006), 6.

⁴ Edward Burnett Tylor, *Primitive Culture Researches Into Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom* (London: John Murrey, 1871), 1:391.

⁵ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 62, entri “animisme.” lihat juga *Kamus Teologi* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, cet-9, 2006), 27, entri “animisme.”

⁶ Irving Hexham, *Pocket Dictionary of New Religious Movements* (Madison: Inter Varsity Press, 2002), 19, entri “animism.”. Lihat juga John F. Haught, *What is Religion?: An Introduction* (New Jersey: Paulist Press, 1990), 19. Lihat juga Rahmat, S. H (Dr), *Dari Adam Sampai Muhammad, Sebuah Kajian Mengenai Agama-Agama*, (Kota Bharu, Pustaka Aman Press, cet2, 1979) 33. Lihat juga Ed Hindson dan Ergun Caner, “Animism” dalam *The Popular Encyclopedia of Apologetics: Surveying the Evidence for the Truth of Christianity* (Amerika Syarkat: Harvest House Publishers, 2008), 21. Lihat juga *Kamus Dewan*, 62, entri “animis.”

⁷ E. B. Tylor, *Primitive Culture*, 1: 377.

pada makhluk-makhluk lain.⁸ Jiwa dan roh itu mesti dihormati agar ia tidak mengganggu kehidupan manusia atau boleh membantu mereka dalam kehidupan ini.⁹

Istilah animisme dalam bahasa Arab disebut sebagai (الروحية) atau (الإحيائية).¹⁰ Dr ‘Abd al-Wahhāb al-Masīrī dalam bukunya *Mawsū’at al-Yahūd* menyenaraikan istilah-istilah yang merujuk kepada animisme seperti (المبدأ الحيوي), (حيوية المادة), (الحيوية) dan (أنيميزم). Beliau berkata bahawa kesemua istilah tersebut merujuk kepada kepercayaan yang menganggap alam ini mempunyai pelbagai roh yang tersimpan dalam sesuatu yang nyata atau ghaib dan mampu mempengaruhi kehidupan manusia.¹¹

Dalam dunia animis, manusia dianggap hampir setaraf dengan haiwan, tumbuh-tumbuhan dan kuasa-kuasa alam semula jadi. Oleh itu, menjadi satu tanggungjawab dan moral bagi animis untuk berinteraksi dan menghormati unsur-unsur berkenaan. Alasannya, manusia dianggap sebagai sebahagian daripada alam semula jadi, bukannya lebih tinggi atau berasingan daripadanya. Dalam pada itu, roh dan semangat pada objek-objek itu mempunyai kekuatan luar biasa. Roh ini ditakuti dan dihormati. Mereka percaya jika roh ini marah, ia boleh membahayakan dan mendatangkan musibah kepada mereka. Sebaliknya, jika roh itu senang dan gembira, maka ia boleh membawa kepada tuah dan keberuntungan.¹²

Oleh yang demikian, animisme adalah kepercayaan bahawa alam semula jadi yang hidup seperti manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan, objek yang tidak bernyawa seperti batu logam, kepelbagaian bentuk geografi bumi seperti bukit, gurun, lembah, hutan belantara, gua, laut atau fenomena alam seperti petir, kemarau dan hujan memiliki semangat atau unsur kerohanian.¹³

⁸ Mariasusai Dhavamony, *Phenomenology of Religion: Fenomenologi Agama*, terj. G. Ari Nugrahamta et al. (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, cet-11, 2011), 66.

⁹ Hassan Shadily, “Animisme,” dalam *Ensiklopedi Umum* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, cet-20, 2012), 62.

¹⁰ *Mu’jam al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu’āṣarah* ed. Aḥmad Mukhtār ‘Abd al-Ḥamīd ‘Umar (t.t: ‘Ālam al-Kutub, 2008), 2: 956

¹¹ Al-Masīrī, ‘Abd al-Wahhāb (Dr), *Mawsu’at al-Yahud wa al-Yahūdiyyah wa al-Ṣahyuniyyat* (Kaherah: Dar al-Shurūq, cet-3, 2006), 404.

¹² Al-Sāmūk, Sa’dūn Maḥmūd (Dr.), *Mawsū’at al-Adyān wa al-Mu’taqadāt al-Qadīmah* (Jordan: Dār al-Manāhij, 2002), 28.

¹³ Weiser Llc, “Animism” dalam *Encyclopedia of the Unseen World* (San Francisco: Constance Victoria Briggs, 2010), 34.

Menurut ahli-ahli antropologi, terdapat cabang-cabang animisme yang mempunyai konsep atau sistem kepercayaan yang mendokongi seperti berikut:

Jadual 1: Cabang-cabang Animisme

Cabang Animisme	Konsep
<i>Ancestor Worship</i>	Penyembahan roh orang mati, sama ada roh nenek moyang atau orang lain. Roh orang mati dianggap masih hidup dan mampu mendatangkan kebaikan atau keburukan kepada orang yang masih hidup.
Spiritualisme/ Spiritisme	Interaksi antara roh orang mati dan orang hidup
<i>Shamanism</i>	Penghubung dan orang-orang pakar tentang alam roh, Juga digelar sebagai dukun, bomoh dan pawang. ¹⁴
<i>Nature Worship</i>	Penyembahan objek di alam semesta seperti api, matahari, bintang, pepohon, dan sebagainya. Ia juga meliputi penyembahan fenomena alam seperti guruh, kilat atau ribut. Peringkat ini adalah batu asas kepada penyembahan banyak tuhan atau disebut politeisme. ¹⁵
Dinamisme, Pra-Animisme, Fetishisme Atau Animatisme	Penyembahan benda dan objek tertentu yang dianggap istimewa dan suci. Apabila objek itu dipakai atau disimpan ia boleh mendatangkan keuntungan, tuah atau terhindar daripada bahaya dan malapetaka. ¹⁶
<i>Animal Worship</i>	Penyembahan binatang tertentu. Binatang ini diberi penghormatan kerana kesucian, kebolehan mendatangkan keselamatan, kebaikan dan manfaat kepada mereka. ¹⁷
<i>Totemism</i>	Kepercayaan suku kaum yang memuja binatang tertentu kerana menganggapnya sebagai lambang

¹⁴ Lihat Christina Pratt, *An Encyclopedia of Shamanism* (New York: The Rosen Publishing Group, 2007), 1: viii.

¹⁵ Politeisme adalah kepercayaan kepada lebih daripada satu tuhan. Jiwa alam tersebut dipersonifikasikan dan dianggap sebagai makhluk berkeperibadian yang mempunyai kehendak dan fikiran. Makhluk *supernatural* atau roh di sebalik gerak alam tersebut digelar sebagai dewa dewi alam. Lihat Dra. Noorkasiani et al., *Sosiologi Keperawatan* (Jakarta: Penerbit Buku Kedokteran EGC, 2009), 118.

¹⁶ Mariasusai Dhavamony, *Phenomenology of Religion*:70.

¹⁷ Wendy Doniger, "Animal Worship" dalam *Merriam-Webster Encyclopedia of World Religions*, (Amerika Syarikat: Merriam-Webster, 1999), 57. Lihat juga John G. R. Forlong, "Animal Worship" dalam *Encyclopedia of Religions* (New York, Cosimo, Inc, 2008), 85.


suku atau dianggap mempunyai hubungan pertalian darah dengan mereka.¹⁸

Isme-isme seperti dalam jadual adalah bentuk penghormatan dan ritual kepada roh dan semangat yang dipercayai wujud pada setiap sesuatu di alam ini. Justeru itu, ia sebagai huraian lanjut kepada definisi animisme yang dinyatakan sebelum ini. Elemen utama yang menjadi titik persamaan dalam isme-isme tersebut adalah roh dan semangat. Walau bagaimanapun, masih terdapat lagi elemen-elemen sampingan lain yang dikaitkan dengan animisme.

Elemen Dalam Animisme

Elemen paling utama dalam animisme ialah percaya kepada kewujudan roh atau jiwa dalam setiap makhluk. Seterusnya, ia telah membentuk beberapa elemen sampingan yang cukup sinonim dan bersangkutan paut dengan animisme. Elemen-elemen itu seperti dalam rajah di bawah:

Rajah 1: Elemen-elemen Utama Dalam Animisme



Roh secara umumnya adalah unsur yang menjadi sebab kepada kehidupan. Ia juga disebut sebagai jiwa. Roh atau jiwa menjadi kata kunci dalam animisme.¹⁹ Orang-orang animis memuliakan roh-roh tersebut.

¹⁸ Bron Taylor, *Encyclopedia of Religion and Nature* (New York: A&C Black, 2008), 2: 1644.

¹⁹ Roh-roh yang dianggap berada pada setiap makhluk boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori. Pertama; roh yang berhubung dengan manusia, iaitu jiwa-jiwa manusia sebagai unsur vital, roh nenek moyang dan roh-roh jahat daripada orang-orang mati dalam

Penghormatan ini dilakukan agar tidak mendapat gangguan dan mendapatkan bantuan daripadanya.²⁰ Konsep roh dalam kalangan orang primitif tidak sama dengan apa yang difahami oleh masyarakat moden. Masyarakat primitif tidak dapat membayangkan kewujudan roh yang bersifat tidak material. Bagi mereka, roh terbina daripada unsur yang sangat halus, memiliki bentuk, umur, dan mampu makan dan minum. Perspektif ini dapat dilihat melalui penyediaan sajian makanan oleh masyarakat primitif sebagai bentuk hadiah kepada roh-roh tersebut.²¹

Di samping itu, animis juga percaya kepada kewujudan semangat, iaitu roh yang terdapat dalam segala makhluk dan dipercayai mempunyai kuasa-kuasa tertentu.²² Dalam kajian antropologi, kepercayaan ini juga dikenali sebagai dinamisme. Apabila dibandingkan, konsep animisme dan dinamisme pada dasarnya tidaklah wujud perbezaan ketara, sebaliknya keduanya muncul seiring dan saling mempengaruhi antara satu sama lain.²³ Menurut N. J. Ryan, semangat berbeza dengan roh kerana ia tidak sebanding dengan kehidupan manusia.²⁴ Tambahan pula, semangat pada manusia berkait rapat dengan hati, manakala semangat pada objek dan benda-benda mati merupakan makhluk halus dari luar yang masuk ke dalam benda itu.²⁵

Kepercayaan kepada kewujudan makhluk halus adalah elemen terpenting dalam animisme. Ia digambarkan dalam pelbagai versi dan tafsiran. Animis percaya bahawa makhluk halus itu wujud tetapi tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Makhluk tersebut dinamakan sebagai orang bunian,

kondisi yang tidak wajar seperti dibunuh atau bersalin. Kedua; roh-roh yang berhubung dengan objek-objek alam seperti air terjun, batu besar, pepohon besar dan aneh, roh tempat-tempat menyeramkan, roh binatang dan roh objek-objek di angkasa lepas. Ketiga; roh-roh yang berhubung dengan fenomena dan kekuasaan alam seperti petir, guruh dan banjir. Keempat; roh-roh yang berhubung dengan kelompok-kelompok sosial seperti dewa-dewi, jin dan syaitan serta para malaikat. Lihat Mariasusai Dhavamony, *Phenomenology of Religion*, 67.

²⁰ Ramesh Chopra, "Spiritism" dalam *Encyclopedic Dictionary of Religion* (Delhi: Isha Books, 2005), 3: 742.

²¹ Harun Hadiwijono, *Religi Suku Murba Di Indonesia* (Jakarta: BPK Gunung Mulia, 2000), 46.

²² *Kamus Dewan*, 1433, entri "semangat."

²³ Mohd Liki Hamid, "Pandangan Semesta Melayu: Pra dan Pasca Islam," dalam *Pengajian Tamadun Asia*, ed. Afifah Abu Yazid (Pahang, PTS Media Group Sdn Bhd, 2003), 51.

²⁴ N. K. Ryan, *The Cultural Background of The People of Malaya* (Kuala Lumpur : Longman, 1962) 29.

²⁵ Mohamad Azizul bin Mat Yusof, "Pengaruh Animisme Dalam Jampi dan Mantera: Analisis Menurut Perspektif Pemikiran Islam" (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Akidah Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005), 22.

mambang jembalang, hantu, puntianak, *vampire*, *demon* dan sebagainya.²⁶ Makhluk halus dipercayai dapat mempengaruhi keadaan dan mempunyai kuasa terhadap alam nyata.

Unsur kesaktian dan keramat berkait rapat dengan animisme.²⁷ Seseorang animis percaya bahawa makhluk atau objek yang berada di sekelilingnya tidak sama pada roh dan semangatnya. Dalam antropologi, kepercayaan ini dikenali sebagai dinamisme, *fetisism*, *totemism* dan *animatism*. Beberapa ahli antropologi menganggap kepercayaan seperti ini mendahului animisme. Oleh itu ia dipanggil pra-animisme.²⁸ Tenaga ghaib yang tersimpan dalam makhluk dan objek itu boleh dikeluarkan dan memberi faedah kepada manusia dalam bentuk magis.²⁹

Dalam animisme, seseorang dipercayai boleh menghubungkan dua dimensi, alam nyata dan alam roh. Perantaraan itu disebut sebagai *shaman*. *Shamanism* adalah kepercayaan bahawa dukun adalah perantara atau utusan antara dunia manusia dan dunia roh.³⁰ Dia dipercayai mampu merawat penyakit dengan membaiki jiwa pesakitnya. Kononnya, dia berkebolehan untuk memasuki alam ghaib dengan tujuan mendapatkan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Makhluk ghaib juga dipercayai boleh melawat dimensi nyata untuk memberi bimbingan kepada manusia dan merawat penyakit jiwa manusia.³¹ Selain dukun sebagai perantara (*spirit-*

²⁶ Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd), 15. Rujuk senarai dan pengenalan makhluk-makhluk halus yang dipercayai oleh masyarakat dunia hasil tinjauan Theresa Bane. Lihat Theresa Bane, *Encyclopedia of Demons in World Religions and Cultures* (US, McFarland and Company, 2012)

²⁷ Kesaktian ialah kuasa yang di luar kemampuan manusia, menaruh hikmat dan mempunyai kuasa ghaib. Keramat pula diertikan sebagai kemuliaan, suci dan berkat. Ia juga bermaksud tempat atau sesuatu yang suci dan dipercayai dapat mendatangkan hikmat. Keramat berbeza dengan puaka kerana keramat sering dikaitkan dengan kesucian dan kebaikan atau menjadi tempat manusia memohon sesuatu dan membayar nazar. Lihat *Kamus Dewan*, 1370, entri "sakti." 751, entri "keramat." Lihat juga Mohamad Azizul bin Mat Yusof, "Pengaruh Animisme Dalam Jampi dan Mantera: Analisis Menurut Perspektif Pemikiran Islam," 25.

²⁸ Drs. D. Hendroospito, *Sosiologi Agama* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, cet-22, 2006) 33.

²⁹ Rahmat, S. H (Dr), *Dari Adam Sampai Muhammad*, 32.

³⁰ Ramesh Chopra, "Shamanism," dalam *Encyclopedic Dictionary of Religion*, 3: 712-713.

³¹ Mircea Eliade, *Shamanism, Teknik-teknik Kuno Khayal* (Bollingen: Princeton University Press, 1972), 3-7.

medium), mereka juga dipanggil bomoh, pawang, tabib, orang keramat, guru silat, ahli sihir, *Shaman* di Barat atau *Kāhin* dalam bahasa Arab.³²

Kepercayaan kepada makhluk *supernatural* telah menimbulkan rasa takut dan hormat dalam kalangan animis. Jika tersilap langkah atau bertindak sewenang-wenangnya tanpa mematuhi peraturan-peraturan tertentu, maka perbuatan itu akan menimbulkan kemarahan makhluk-makhluk halus. Demi mewujudkan hubungan yang baik antara manusia dan makhluk halus itu, maka pantang larang telah dibentuk.³³ Konsep yang hampir sama dengan pantang larang ialah tabu.³⁴

Elemen-elemen tersebut sangat signifikan dan turut dibahaskan dalam konsep animisme. Justeru, Islam telah mengemukakan perspektif sendiri terhadap elemen-elemen tersebut dan isu-isu alam ghaib lain, khususnya menerusi Sunnah Nabawi.

Roh Menurut Sunnah Nabawi

Animisme banyak menyentuh aspek spiritual khususnya berkaitan dengan roh. Sebelum memulakan perbincangan secara perbandingan, penulis mengemukakan terlebih dahulu perspektif Sunnah secara umum terhadap roh.

Perkataan roh berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu (رُوحٌ) dan kata jamak disebut (أرواح) yang bermaksud unsur yang menjadi sebab kepada kehidupan manusia dan binatang.³⁵ Roh, jiwa dan nafsu mempunyai pertalian

³² Huzaimah Haji Ismail. "Amalan-amalan Yang Berkaitan Animisme Di Kalangan Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Temuan" (Tesis Kedoktoran (Ph.D), Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006) 136.

³³ Mohamad Azizul bin Mat Yusof, "Pengaruh Animisme Dalam Jampi dan Mantera: Analisis Menurut Perspektif Pemikiran Islam," 31.

³⁴ Dalam Kamus Dewan, tabu diertikan sebagai sesuatu yang dilarang, diharamkan atau ditegah daripada dipercakapkan dan sebagainya. Oleh itu, Tabu ialah perbuatan, benda, orang atau tempat yang dilarang oleh undang-undang atau budaya. Perkataan *taboo* berasal daripada perkataan Polinesia iaitu *tapu* atau *tabu* yang bermakna sesuatu yang suci, istimewa, berbahaya atau kotor. Kebanyakan masyarakat mempunyai kepercayaan bahawa seseorang yang pergi ke tempat larangan atau menyentuh barang larangan akan ditimpa bencana. Masyarakat juga mungkin menghukum orang yang melanggar larangan ini dan menyisihkannya. Lihat *Kamus Dewan*. 1563, entri "tabu."

³⁵ Penggunaan istilah roh dalam al-Quran juga bermaksud al-Quran, wahyu, Nabi 'Isā AS dan Jibrīl AS. Roh juga disebut "jiwa" dan "nafas". Dalam ilmu falsafah, roh islah lawan kepada 'objek material'. Manakala (روحاني) ialah benda yang mempunyai roh. Ibrāhīm Muṣṭafā, Aḥmad al-Zayyāt, Hāmid 'Abd al-Qādir dan Muḥammad al-Najjār, al-Mu'jam al-Wasīṭ ed. Majma' al-Lughah al-'Arabiah (Mesir: Dār al-Da'wah, t.t), 380, entri "rūh".

yang sangat rapat, sehingga dianggap sebagai suatu unsur yang sama.³⁶ Roh merupakan salah satu unsur ghaib dan bukan mudah untuk dicapai oleh akal manusia. Tiada jalan lain bagi manusia untuk mengetahui hakikat dan keadaan roh kecuali berdasarkan penjelasan syarak.³⁷

Sunnah menjelaskan bahawa roh yang ditiup ke dalam jasad bayi dalam kandungan adalah ciptaan baru dan tiada kaitannya dengan roh orang mati.³⁸ Semasa tidur, roh berpisah dengan jasad, namun hakikatnya tidak seperti yang berlaku semasa kematian. Roh orang mati akan berada di alam barzakh dan tiada kaitan dengan kehidupan dunia. Azab atau nikmat kubur melibatkan roh dan jasad. Roh orang mati tidak menjelma sebagai hantu atau kembali ke dunia untuk campur tangan dalam kehidupan manusia.³⁹

Rumusan perspektif Sunnah terhadap roh seperti yang dinyatakan adalah hasil analisis secara induksi penulis kepada taburan hadis-hadis dalam al-Kutub al-Sittah.⁴⁰ Terdapat 41 teks hadis berlainan status yang menyentuh aspek yang berbeza tentang roh. Penulis telah membuat klasifikasi terhadap kandungan hadis-hadis itu dan perinciannya boleh dilihat pada jadual berikut:

³⁶ Perbincangan tentang unsur-unsur ini telah diulas secara terperinci oleh Ibn al-Qayyim dalam kitabnya, *al-Rūḥ* pada perbincangan ke-20. Rujuk Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Rūḥ*, 217.

³⁷ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'il bin Kathīr bin 'Umar al-Qurashī al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* ed. Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Riyād: Dār Ṭaybah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1999) 5: 116.

³⁸ Justeru itu, Sunnah menolak dakwaan kepercayaan kelahiran semula atau reinkarnasi seperti yang terdapat dalam agama Hindu dan Buddha.

³⁹ Para ulama telah meneliti nas al-Quran dan Sunnah dan membincangkan tentang roh dengan panjang lebar dalam karya-karya mereka, seperti al-Qurṭubī dalam *al-Tadhkirah fī Ahwāl al-Mawtā wa Umur al-Ākhirah*, Ibn al-Qayyim dalam *al-Rūḥ* dan Muḥammad Sayyid Aḥmad al-Musayyar dalam karyanya, *al-Rūḥ fī Dirāsāt al-Mutakallimīn wa al-Falāsifah*. Fokus perbincangan mereka tertumpu kepada tiga aspek utama. [Pertama] Penciptaan roh dan keadaannya sebelum dihembus ke badan. [Kedua] Keadaan roh ketika berada dalam badan manusia, dan [ketiga] keadaan roh setelah dicabut daripada badan ketika berlaku kematian jasad.

⁴⁰ Penulis menggunakan metode pencerapan dan induksi (*tatabbu'* dan *istiqrā'*) terhadap nama bab dan hadis dalam al-Kutub al-Sittah. Di samping meneliti hadis pada sudut *thematic*, penulis juga menggunakan beberapa kata kunci penting seperti; *rūḥ*, *arwāḥ*, *nafs* dan *nasamah*.

Jadual 2: Hadis-hadis Tentang Roh Dalam al-Kutub al-Sittah

Topik	Bil. Hadis	Taburan Hadis Dalam al-Kutub al-Sittah					
		B	M	AD	T	N	IM
Fakta Tentang Roh Mestilah Bersumberkan Wahyu	2	5	1	-	2	-	-
Roh Hanya Terdapat Pada Manusia Dan Binatang	3	3	3	1	2	3	1
Roh Adalah Jisim Halus Dan Dapat Dilihat Ketika Dicabut Oleh Malaikat	2	-	2	1	-	-	1
Hakikat Nisbah Roh Allah Pada Ādam AS Dan ‘Isā AS	4	14	5	1	3	0	3
Rūh Al-Qudus ialah Jibrīl AS	3	3	3	2	1	2	0
Roh Pada Peringkat Awal Penciptaan Manusia	3	4	-	1	3	-	1
Peranan Roh Terhadap Kecenderungan Sesama Insan	2	1	1	1	-	-	-
Roh Berpisah Dengan Jasad Semasa Tidur	3	10	2	4	2	1	2
Roh Dicabut Oleh Malaikat Dan Perpindahan Ke Alam Barzakh	6	4	4	4	1	2	5
Keadaan Asal Orang Mati Dalam Kubur Ialah Tanpa Roh	3	2	3	3	1	2	-
Destinasi Roh Di Alam Barzakh Berbeza Berdasarkan Amalan.	7	14	4	1	3	3	5
Roh Di Alam Barzakh Tidak Kembali Ke Alam Dunia	3	1	1	0	4	0	2
Jumlah	41						

Sumber: Analisis Hadis Tentang Roh Dalam al-Kutub al-Sittah, Oktober 2015. [Petunjuk: B: Sahih al-Bukhari, M: Sahih Muslim, AD: Sunan Abu Dawud, T: Jami’ al-Tirmidhi, N: Sunan al-Nasa’i dan IM: Sunan Ibn Majah]

Justeru itu, Sunnah memberikan gambaran yang cukup jelas tentang roh. Namun, di sana masih banyak lagi rahsia roh yang tidak mampu dijangkau oleh akal manusia.

Animisme Dari Dua Perspektif: Perbandingan Antara Perspektif Sunnah Dan Ahli Antropologi Barat

Pada bahagian ini penulis membuat perbandingan pada beberapa aspek tentang animisme dan perkara berkaitan dengannya, menurut perspektif ahli antropologi Barat dan Sunnah.

Sumber Data Tentang Agama, Roh dan Alam Ghaib

Ahli antropologi barat khususnya E. B. Tylor mengemukakan teori animisme berdasarkan pengumpulan data melalui cara kajian empirikal. Beliau melakukan banyak siri ekspedisi ke serata dunia seperti Amerika Latin, Afrika dan Australia.⁴¹ Hasil pemerhatian kepada masyarakat asli, primitif dan terpinggir, beliau mendapati mereka menganut kepercayaan yang seiras iaitu kepercayaan tentang alam roh.⁴² Teori evolusi dan asal-usul agama pula dirumuskan berdasarkan catatan-catatan etnografi dan lukisan tentang suku-suku bangsa primitif.⁴³

Perspektif Sunnah: Sunnah juga membincangkan ilmu sosiologi, khususnya bidang antropologi. Fakta tentang alam ghaib dikemukakan berlandaskan sumber samiyat iaitu al-Quran dan Sunnah. Elemen terpenting dalam animisme adalah roh dan jiwa. Oleh itu, manusia tidak boleh membuat teori dan andaian tentang roh melainkan dibimbing dengan wahyu.⁴⁴ Rasulullah SAW pernah ditanya oleh orang Yahudi tentang hakikat roh dan ciri-cirinya. Baginda hanya mendiamkan diri sehinggalah turunnya firman Allah (al-Isrā' 17: 85):

⁴¹ John Scott, *Fifty Key Sociologists: The Formative Theorists* (New York: Routledge, 2007), 186.

⁴² Graham Harvey, *Animism: Respecting the Living World*, 7

⁴³ Tedi Sutardi, *Antropologi Mengungkap Keragaman Budaya* (Bandung: Penerbit IPT Setia Puma Inves, 2007) 25.

⁴⁴ Mariasusai Dhavamony dalam bukunya *Phenomenology of Religion* mengkritik teori-teori tentang kerangka pemikiran masyarakat primitif tentang makhluk *supernatural*. Beliau menegaskan bahawa teori-teori ini jelas mempunyai kekurangan dalam aspek *evidence* dan bukti apabila mendasarkan diri kepada histori dan tidak akan diterima secara verifikasi. Mengenai deskripsi tentang cara berfikir orang primitif, teori ini sangat keliru, walaupun ada sudutnya yang logik. Mariasusai Dhavamony, *Phenomenology of Religion: Fenomenologi Agama*, terj. G. Ari Nugrahamta et al. (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, cet-11, 2011). 67.

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: “Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.”⁴⁵

Maklumat tentang roh telah dikhabarkan oleh Allah SWT dan Rasulullah sekadar yang perlu untuk diimani oleh orang-orang beriman. Menurut Fakhr al-Din al-Rāzi, Allah SWT telah menjelaskan bahawa roh itu wujud, terjadi dengan perintah-Nya dan pembentukan serta pengaruhnya dalam memberi kehidupan kepada jasad. Bukanlah semestinya jika terhadnya pengetahuan secara spesifik tentang sesuatu perkara, menandakannya ia tidak wujud.⁴⁶ Maka, kecenderungan untuk menghuraikan hakikat roh menurut kefahaman sendiri dengan bersandarkan andaian, khayalan, cerita dan mimpi adalah usaha menyingkap hal ghaib melebihi kadar yang sia-sia.

Dua Dimensi Alam

Menurut ahli antropologi, golongan animis mempercayai kewujudan dua dimensi alam, iaitu alam nyata dan alam ghaib. E. B. Tylor berpendapat bahawa dengan peristiwa kehidupan, kematian, mimpi dan igauan menjadikan masyarakat paling kuno menyedari kewujudan alam ghaib.⁴⁷ Hal ini kerana

⁴⁵ ‘Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 13 (Kitāb al-‘Ilm, Bāb Qawl Allah Ta‘ālā (wa mā Ūtītum min al-‘Ilm illā Qalīlā) no. Hadis 125), 394 (Kitāb Tafsīr al-Qur‘ān, Bāb (wa Yasalūnak ‘an al-Rūḥ) no. hadis 4721), 607 (Kitāb al-I‘tiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, Bāb Mā Yukrah Min Kathrat al-Su‘āl wa Takalluf mā lā Ya‘nīh, no. Hadis 7297), 621 (Kitāb al-Tawḥīd, Bāb Qawluh Ta‘ālā (wa laqad Sabaqat Kalimatunā li ‘Ibādīnā al-Mursalīn), no. Hadis 7456), 622 (Kitāb al-Tawḥīd, Bāb Qawl Allah Ta‘ālā (innamā Qawlunā li Shay‘i idhā Aradnāh), no. Hadis 7642); Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1164 (Kitāb Ṣifat al-Munāfiqīn wa Aḥkāmihim, Bāb Su‘āl al-Yahūd al-Nabiy Ṣallallah ‘Alayh wa Sallam ‘an al-Rūḥ, no. Hadis 2794); dan Abū ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā bin Sawrah al-Tirmidhī, “Jāmi‘ al-Tirmidhī” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1970 (Kitāb Tafsīr al-Qur‘ān, Bāb Wa min Sūrat Banī Isrā‘īl, no. Hadis 3141); dengan pelbagai *ṭuruq* daripada al-‘A‘mash Sulaymān bin Mihrān daripada Ibrāhīm bin Yazīd al-Nakha‘ī daripada ‘Alqamah daripada ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd RA...Al-Tirmidhī menyatakan hadis ini *hasan sahih*.

⁴⁶ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥasan al-Taymī, , *al-Tafsīr al-Kair* atau *Mafāṭīḥ al-Ghayb*, cet, ke-3 (Beirut: Dār Iḥyā‘ al-Turāth al-‘Arabī, 1999) 21: 382.

⁴⁷ Edward Burnett Tylor, *Primitive Culture Researches Into Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom* (London: John Murrey, 1873), 1: 428.

mereka dapat melihat roh nenek moyang yang telah mati, binatang, tumbuhan, dan alam sekitar dalam mimpi seperti yang dilihat di alam nyata.

Perspektif Sunnah: Sunnah juga mengiktiraf kewujudan dua dimensi alam. Rukun imam lebih fundamental kepada perkara ghaib. Isu seiras dan mendasar yang dibincangkan dalam animisme dan Sunnah adalah perihal roh dan makhluk *supernatural*. Sunnah mengakui kewujudan roh dan makhluk ghaib seperti jin dan malaikat. Gambaran tentang makhluk-makhluk ghaib yang dinyatakan dalam Sunnah sangat berbeza dengan apa yang diketengahkan dalam bentuk-bentuk animisme tentang makhluk *supernatural*.⁴⁸

Agama dan Kepercayaan Tertua


Ahli antropologi barat berpendapat bahawa kemunculan agama terawal seiring dengan manusia menyedari bahawa dunia ini tidak hanya dihuni oleh makhluk fizik semata-mata, bahkan ia juga dihuni oleh makhluk rohani yang disebut jiwa atau roh. E. B Tylor berpendapat bahawa animisme adalah kepercayaan manusia paling ringkas dan menjadi inti sari kepada semua agama.⁴⁹ Buktinya, kepercayaan kepada roh dan makhluk *supernatural* terdapat dalam semua agama. Beliau mengasaskan bahawa teori evolusi agama juga berkembang seiring dengan ketamadunan. *The Evolutionary Origins of Religious* menurut Tylor bermula dengan animisme, dinamisme menuju politeisme dan berakhir dengan monoteisme. Walau bagaimanapun, beliau tidak membahaskan adakah evolusi ini akan berakhir dengan ateisme.⁵⁰

⁴⁸ Penulis berusaha menganalisis kepada taburan hadis-hadis tentang jin dan syaitan dalam kitab beliau. Hasilnya seperti berikut: [Pertama] Hadis yang disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim dalam kitab mereka seban nyak 31 hadis (no. Hadis 1-31). [Kedua] Hadis yang hanya dikeluarkan oleh al-Bukhāri sebanyak 12 (no. Hadis 32-43). [Ketiga] Hadis yang hanya dikeluarkan oleh Muslim sebanyak 29 (no. hadis 44-72). [Keempat] Hadis yang dikeluarkan dalam *kutub al-sunnah* selain Ṣaḥīḥ al-Bukhāri dan Ṣaḥīḥ Muslim sebanyak 53 (no. Hadis 78-130). [Kelima] Āthār yang sahih sebanyak 30 (no. Hadis 131-160). [Keenam] Hadis *da 'īf* dan *mawḍū* sebanyak 395 (no. Hadis 161-556). [Ketujuh] Āthār yang *da 'ī* dan *mawḍū* ' sebanyak satu (no. Hadis 557). [Kelapan] Riwayat-riwayat tentang *hawātif al-jinn* (suara-suara panggilan daripada jin) kebanyakannya tidak sahih sebanyak 65 (no. Hadis 558-622). Lihat Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Imām, *al-Idāh wa al-Tabyīn Limā Ṣaḥḥ mim mā lam Yaṣiḥ min al-Aḥādīth wa al-Āthār wa al-Hawātif fi al-Jinn wa al-Shayāṭīn* (Ṣan'ā' : Maktabat al-Imām al-Wādi'ī, 2009), 9-596.

⁴⁹ Graham Harvey, *Animism: Respecting the Living World* (New York: Columbia University Press, 2006), 7.

⁵⁰ Dr. Rahmat, S. H membuat interpretasi kepada teori evolusi Tylor dengan menyatakan bahawa animisme bermula dengan mempercayai kewujudan alam roh. Kepercayaan masyarakat primitif kononnya terus berkembang dengan mempercayai kewujudan hantu,

Rajah 2: Corak Pergerakan Evolusi Kepercayaan Manusia Menurut E. B. Tylor



Perspektif Sunnah: Sunnah mengemukakan suatu maklumat yang jauh berbeza dengan teori antropologi barat. Allah SWT menciptakan hamba-Nya dalam keadaan suci daripada noda syirik. Imam Muslim meriwayatkan daripada ‘Iyād bin Hīmār, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda dalam *hadith qudsī*:

وَلِيَّيْ حَلَفْتُ عِبَادِي حُنَفَاءَ كُلِّهُمْ وَإِنَّهُمْ أَتَمُّهُمُ الشَّيَاطِينُ فَاجْتَأَلْتَهُمْ عَنْ دِينِهِمْ

Terjemahan: Dan sesungguhnya Aku telah jadikan hamba-Ku semuanya suci bersih (dari fahaman dan amalan syirik) serta betul benar menurut keadaan asalnya. Dan sesungguhnya mereka didatangi dan diperdayakan oleh syaitan-syaitan sehingga sebahagian besar di antara mereka menyeleweng dan terpesong daripada ajaran agamanya yang sebenar.⁵¹

Fitrah suci yang dibekalkan itu memandu manusia untuk mentauhidkan Allah SWT. Hal ini telah dibuktikan dengan jelas dan diperkukuhkan dengan hujah daripada al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW yang sahih. Syirik, kesesatan dan penyelewengan akidah mula muncul setelah beberapa abad setelah zaman Nabi Ādam AS.⁵² Beberapa sarjana barat turut

semangat dan penghormatan kepada roh nenek moyang. Kehidupan masyarakat primitif mengalami kemajuan dan peredaran pada sudut ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian, mereka tidak lagi perlu masuk ke hutan belantara untuk mengutip buah dan memburu binatang liar. Manusia mula bercucuk tanam dan menternak binatang peliharaan. Maka timbullah kepercayaan politeisme. Daripada politeisme, kepercayaan manusia terus mengecil sehingga muncul kepercayaan monoteisme, menyembah hanya satu Tuhan. Menurut Taylor, agama monoteisme adalah hasil terakhir perkembangan kecerdasan manusia dalam membina kepercayaan. Ia melalui suatu peredaran yang bermula dengan animisme, politeisme dan berakhir dengan monoteisme. Lihat Rahmat, S. H (Dr), *Dari Adam Sampai Muhammad*, 4-7.

⁵¹ Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim” dalam *Mawsū’āt al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1174 (Kitāb al-Jannah wa Ṣifāt Na’īmihā wa Ahlihā, Bāb al-Ṣifāt Allatī Yu’raf bihā fī al-Dunyā Ahl al-Jannah wa Ahl al-Nār, no. Hadis 2865).

⁵² Al-Qafari, Nasir bin ‘Abd Allah dan al-‘Aql, Nasir bin ‘Abd al-Karim, *al-Mujaz fī al-Adyan wa al-Mazahib al-Mu’asarah*, (Riyad: Dar al-Samī’I, 1992), 14.


menerima bahawa asal kepercayaan manusia mengakui konsep tuhan esa dan tertinggi (*The High God Concept*) seperti Adamson Hoebel dan Andrew Lang. Mereka percaya bahawa faktor penyelewengan daripada monoteisme kepada politeisme adalah kerana kepercayaan kepada dewa-dewa yang lebih rendah daripada tuhan tertinggi. Ia bermula dengan “idea mencipta mitos” dan “Adam Purba” dalam kalangan manusia.⁵³

Sunnah tidak menafikan bahawa wujudnya fenomena manusia berubah daripada fitrah yang asal, daripada tauhid menjadi syirik. Keadaan ini bukanlah kerana evolusi, tetapi manusia itu menyimpang daripada jalan yang benar kerana faktor-faktor tertentu. Sunnah juga mengemukakan fakta sejarah bahawa syirik dalam bentuk penyembahan *ancestor worship* mula muncul pada zaman Nabi Nūḥ AS. Kaum baginda menyembah tokoh-tokoh agama melalui penyembahan arca.⁵⁴

⁵³ Menurut Andrew Lang, penyelewengan itu disebabkan oleh kegemaran manusia mencipta mitos dan cerita-cerita dongeng yang hebat dan tidak masuk akan dengan tujuan untuk menghiburkan para pendengarnya. Maka manusia mencipta cerita tentang dewa dewi, penunggu, hantu, jembalang dan sebagainya. Unsur-unsur ini dimainkan sebagai watak dalam cerita dan kadang kala diisi dengan falsafah dan pemikiran perekanya. Dalam perkembangan ini, sebutan tentang Tuhan Yang Maha Esa masih juga kelihatan meskipun masih dalam bayangan yang samar. Manusia lebih menumpukan perhatiannya kepada dewa dewi yang dicipta oleh manusia sendiri sedangkan Tuhan yang sebenar dibelakangi. Lihat Adamson Hoebel, *Man in Primitive World An Introduction to Antropology* (New York, McGraw-Hill Book Companay, 1958), 553.

⁵⁴ Ibn ‘Abbās menyatakan bahawa Wadd, Suwā‘, Yaghūth, Ya‘ūq dan Nasr (Semua nama berhala-berhala itu) adalah nama orang-orang soleh daripada kaum Nabī Nūḥ AS. Tatkala mereka meninggal dunia, maka syaitan membisikkan kepada kaum mereka, “Binalah arca-arca dalam majlis-majlis mereka dan namailah (arca-arca itu) dengan nama-nama mereka.” Akhirnya, mereka melakukan hal itu. Meskipun begitu, berhala-berhala itu belum disembah sehinggalah kaum (generasi yang membangun berhala-berhala itu) telah meninggal dunia dan ilmu telah sirna, maka berhala-berhala itu akhirnya disembah. Āthār ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam sahihnya. Lihat Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 423 (Kitāb Tafsīr al-Qur’ān, Bāb (Waddan walā Suwā‘an wala Yaghūt wa Ya‘ūq), no. Hadis 4920).

Rajah 3: Corak Perubahan Kepercayaan Sebahagian Manusia Menurut Perspektif Sunnah



Bentuk Roh

Orang animis percaya bahawa roh mempunyai rupa, berkaki, bertangan, mempunyai umur dan memerlukan makanan. Roh juga kadangkala dapat dilihat dengan mata kasar walaupun ia terbina daripada materi yang sangat halus. Justeru itu, ia diberi sajian dan korban dalam bentuk binatang, makanan dan objek-objek tertentu.⁵⁵

Perspektif Sunnah: Sunnah menyatakan roh sebagai satu unsur berjisim. Tidak ada sebarang kenyataan dan perkhabaran tentang rupa paras atau bentuknya secara terperinci. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الرُّوحَ إِذَا فُيْضَ تَبِعَهُ البَصَرُ

Terjemahan: Sesungguhnya roh itu apabila dicabut, ia akan diekori oleh pandangan mata.⁵⁶

Hadis ini adalah dalil yang jelas bahawa roh adalah berjisim. Menurut al-Shaykh ‘Abd Allāh al-Bassām, perbuatan mencabut sesuatu tidak berlaku melainkan kepada benda yang berjisim. Di samping itu, penglihatan juga tidak

⁵⁵ Rujuk apa yang dicatatkan oleh R. P. Suyono tentang kepercayaan masyarakat Jawa tentang keadaan di alam roh. R. P. Suyono, *Ajaran Rahasia Orang Jawa* (Yogyakarta: PT LKiS Pelangi Aksara, 2008), 93-98.

⁵⁶ Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 822 (Kitāb al-Janāiz, Bāb fi Ighmāḍ al-Mayyit wa al-Du’ā’ lah Idhā Ḥuḍir, no. Hadis 920; Abū Dāwūd al-Sijistānī, “Sunan Abū Dāwūd” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1458 (Kitāb al-Janāiz, Bāb Taghmīḍ al-Mayyit, no. Hadis 3118); dan Ibn Mājah al-Qazwīnī, “Sunan Ibn Mājah” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 2564 (Kitāb al-Janāiz, Bāb mā Jā’ fi Taghmīḍ al-Mayyit, no. Hadis 1454) daripada Umm Salamah RA.

mengekori sesuatu melainkan ia dapat dilihat dan berjisim.⁵⁷ Pada persepsi pengkaji, hanya hadis ini sahaja secara jelas menggambarkan kepada kita satu ciri kepada zat roh.

Klasifikasi Roh Baik dan Roh Jahat

Dalam animisme yang digambarkan oleh ahli antropologi barat, roh-roh dikategorikan kepada dua iaitu roh baik dan roh jahat.⁵⁸ Roh baik dan dipuja ialah roh nenek moyang yang dipercayai mempunyai hubungan dengan orang masih hidup.⁵⁹ Roh-roh itu bukan berada di tahap yang sama. Terdapat roh yang paling berkuasa dan dihormati seperti roh ketua suku kaum atau raja. Pada kebiasaannya, terjadilah perpindahan pemujaan dari suatu roh kepada roh yang lain.

Bencana alam dikatakan berpunca daripada roh-roh yang sedang marah. Mereka menganggap letusan gunung berapi, ribut taufan, banjir, kilat, kebakaran dan sebagainya datang dari amarah roh jahat atau amukkan roh baik yang tidak dihormati. Manusia perlu berhati-hati dalam kehidupan mereka dan tidak melakukan perkara-perkara yang menyebabkan makhluk-makhluk halus ini terganggu kerana ia membawa kepada perkara-perkara yang tidak baik seperti penyakit, bencana alam dan sebagainya.⁶⁰ Roh seseorang yang sakit dan tidak dilayan, dirawat dan diuruskan dengan baik setelah dia meninggal dunia dipercayai menjadi *antu buta*⁶¹ dan membalas dendam dan membawa musibah kepada orang yang masih hidup. Tambahan pula, jika seseorang itu mati kerana membunuh diri atau disebabkan kekejaman dan pembunuhan.⁶² Hantu pula dipercayai boleh membawa penyakit atau menyebabkan seseorang itu menjadi gila.⁶³

⁵⁷ Al-Bassām, ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān, *Tawdīh al-Ahkām Min Bulūgh al-Marām* (Makkāh: Maktabat al-Asadī, 2003), 3: 156. Lihat juga Muḥammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaymīn, *Majmū‘ Fatāwā wa Rasā’il Faḍīlat al-Shaykh Muḥammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaymī* ed. Fahd bin Nāṣir bin Ibrāhīm Āli Sulaymān (Riyād: Dār al-Waṭan dan Dār al-Thurayyā, ١٩٩٢), 3: 106.

⁵⁸ Lihat contoh dan bentuk kepercayaan Kaum Dayak tentang roh baik dan roh jahat menerusi buku Tedi Sutardi, *Antropologi Mengungkap Keragaman Budaya*, 24.

⁵⁹ Robert S. Ellwood dan Gregory D. Alles, “Ancestor Worship” dalam *The Encyclopedia of World Religions* (New York: Infobase Publishing, 2009), 14.

⁶⁰ Azizah Othman, “Masyarakat Pribumi Sarawak” dalam *Pengajian Tamadun Asia*, ed. Afifah Abu Yazid (Pahang, PTS Media Group Sdn Bhd, 2003), 326.

⁶¹ Hermansyah, *Ilmu Gaib di Kalimantan Barat* (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, 2010), 48.

⁶² Roh-roh jahat itu dipergunakan untuk tujuan sihir, membuat tangkal atau azimat dan perbmohan. Lihat R. P. Suyono, *Ajaran Rahasia Orang*, 30-31.

⁶³ Theresa Bane, “Hantu” dalam *Encyclopedia of Demons in World Religions and Cultures* (US, McFarland and Company, 2012), 158.

Perspektif Sunnah: Sunnah tidak mengklasifikasikan roh orang mati kepada roh baik dan roh jahat berdasarkan campur tangan mereka dalam urusan kehidupan manusia. Hadis-hadis hanya menyatakan roh yang baik adalah roh orang mukmin dan mentaati Allah ketika masih hidup. Manakala roh yang jahat ialah roh orang kafir dan mereka menderhaka Allah SWT.⁶⁴

Namun begitu, jika yang dimaksudkan dengan roh itu adalah jin yang bersifat rohani, maka pembahagian itu ada benarnya. Banyak hadis-hadis yang sahih menjelaskan bahawa jin membantu manusia atas tujuan tertentu seperti ahli sihir dan tukang tilik. Sementara itu, golongan jin juga di samping menyesatkan manusia dengan cara godaan pada aspek spiritual, mereka juga menyakiti manusia pada fizikal dan mental.⁶⁵

Korelasi Antara Roh Orang Mati dan Orang Hidup

Kepercayaan kepada roh lahir daripada suatu rasa pergantungan untuk berkomunikasi dengan roh dengan tujuan menghalang kejahatan, menghilangkan musibah dan mendatangkan kesejahteraan.⁶⁶ “Spiritualisme” ialah kepercayaan bahawa roh orang yang telah mati boleh berhubung dengan orang yang masih hidup.⁶⁷ Kepercayaan ini wujud dalam berbagai-bagai bentuk di seluruh dunia.⁶⁸

Komunikasi dengan roh dilakukan dalam bentuk pemujaan roh secara berseorangan atau berkelompok roh. Bagi tujuan tersebut, upacara pemujaan dilakukan oleh anggota keluarga di tempat suci keluarga. Selain itu, peranan bomoh atau *shaman* juga digunakan untuk mentafsirkan kehendak roh atau menyampaikan pesanan keluarga yang masih hidup kepada roh tersebut.⁶⁹

⁶⁴ Contoh kepada klasifikasi ini seperti yang dinyatakan dalam sebuah hadis iaitu (روح طيبة) dan (روح حبيثة). Hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Imām Muslim daripada ‘Ubayd Allāh bin ‘Umar al-Qawārīrī daripada Ḥammād bin Salamah daripada Budayl daripada ‘Abd Allāh bin Shaqīq daripada Abū Hurayrah RA. Lihat “Ṣaḥīḥ Muslim” in *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1175-1176 (Kitāb Ṣifāt al-Jannah wa Ṣifāt Na‘īmihā wa Ahlihā, Bāb ‘Arḍ Maq‘ad al-Mayyit min al-Jannah aw al-Nār ‘Alayh ...,no. Hadith 2872).

⁶⁵ Ketika berbicara soal jin dan syaitan, Shaykh al-Islām Ibn Taymīyah juga menggunakan istilah “roh-roh jahat” kepada golongan jin dan syaitan dalam beberapa tempat dalam *Majmū‘ al-Fatāwā*. Ibn Taymīyah. Lihat Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin ‘Abd al-Salām Shaykh al-Islām, *Majmū‘ al-Fatāwā* (Madinah: Mujaḥammā‘ al-Malik Fahd, 1995), 21: 15 dan 25: 240.

⁶⁶ Mariasusai Dhavamony, *Phenomenology of Religion*, 67.

⁶⁷ Menurut Kamus Dewan, “spiritualisme” adalah satu kepercayaan bahawa roh orang yang mati boleh berkomunikasi dengan orang yang hidup terutamanya melalui perantaraan. Lihat *Kamus Dewan*, 1521, entri “spiritualisme.”

⁶⁸ Ramesh Chopra, “Spiritualism” dalam *Encyclopedic Dictionary of Religion*, 3: 743.

⁶⁹ Mariasusai Dhavamony, *Phenomenology of Religion*, 68.

Sehubungan dengan itu, gerakan animisme moden menggunakan peralatan canggih untuk menghadirkan roh-roh orang mati, berdialog, meminta bantuan, melakukan pembedahan batin dan sebagainya.⁷⁰

Perspektif Sunnah: Setelah roh berpisah dengan badan tiada lagi hubungan antara roh orang mati dan orang hidup, melainkan dalam alam mimpi. Dalam beberapa hadis Nabi SAW menceritakan kisah dialog ‘Abd ‘Allāh bin ‘Amr bin Ḥaram, bapa kepada Jābir RA yang terbunuh dalam peperangan Uhud. Dia memohon daripada Allah untuk kembali ke dunia, namun tidak diperkenankan.⁷¹ Allah tidak mengizinkan kepada roh yang berada di alam Barzakh untuk kembali ke dunia. Seandainya roh orang mati dibenarkan pulang ke dunia, maka roh orang mati syahid itu lebih patut dan wajar dibenarkan pulang berbanding dengan roh-roh manusia biasa yang tidak mempunyai jasa kepada Islam. Rasulullah SAW bersabda:

⁷⁰ Al-Juhanī, Mānī’ bin Hammād (Dr), *al-Mawsū’ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib wa al-Ahzāb al-Mu’āṣarah* (Riyād: Dar al-Nadwah al-‘Ālamiyyah, cet-4, 1996), 2: 836. Lihat juga definisi-definisi lain yang dinukilkan oleh Dr. ‘Ali bin Sa’īd al-‘Ubaydī. Definisi “Animisme Moden” yang dipilih oleh beliau ialah satu aliran moden yang menggabungkan penganut pelbagai agama dan ideologi yang berbeza. Mereka sepakat dalam mempercayai kewujudan dan keabadian roh. Mereka percaya bahawa roh boleh diseru dan berdialog. Doktrin fundamental tentang roh dan perinciannya berbeza-beza berdasarkan aliran masing-masing. Pada zahirnya, gerakan ini bertujuan mengambil manfaat dan pengalaman daripada alam roh untuk kepentingan kemanusiaan. Namun pada hakikatnya, ia adalah gerakan sulit untuk menghancurkan kesemua agama-agama wahyu dengan menggunakan pelbagai wasilah dan medium halus. ‘Alī bin Sa’īd al-‘Ubaydī, *al-Mawsū’ah al-Shāmīlah li Madhhab al-Rūḥīyyah al-Ḥadīthah* (Riyadh: Dār Kunūz Ishbīliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2006), 1: 13-17.

⁷¹ Hadis riwayat al-Tirmidhī dan Ibn Mājah. Kesemua perawi bertaraf *sodūq* melainkan terdapat sedikit kelemahan pada Mūsā bin Ibrāhīm. Ibn Ḥibbān menyenaraikannya dalam kitāb al-Thiqāt dan mengatakan dia termasuk dalam kalangan orang yang tersilap. Ibn Ḥajar menilainya sebagai *ṣodūq yukhtī’*. Al-Tirmidhī menyatakan hadis ini *ḥasan ghārīb min hādihā al-wajh*. Al-Arnaūṭ mengatakan sanadnya *jayyid* dinilai sebagai hadis *hasan* oleh al-Albānī. Lihat Abū ‘Īsā al-Tirmidhī, “Jāmi‘ al-Tirmidhī” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1954-1955 (Kitāb Tafsīr al-Qurān, Bāb wa min Sūrat Āli ‘Imrān, no. Hadis 3010); dan Ibn Mājah al-Qazwīnī, “Sunan Ibn Mājah” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 2488 (al-Muqaddimah (Kitāb al-Sunnah), Bāb fī Faḍāil Aṣḥāb Rasul Allāh, no. Hadis ١٩٠), 3646 (Kitāb al-Jihād, Bāb Faḍl al-Shahādah fī Sabīl Allāh, no. laḍith ٢٨٠٠) dengan sanad mereka daripada Mūsā bin Ibrāhīm bin Kathīr al-Anṣārī al-Ḥarāmī daripada Ṭalḥah bin Khirāsh daripada Jābir bin ‘Abd Allāh RA. Lihat juga Ibn Ḥibbān, Abū Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān al-Bustī, *al-Thiqāt* ed. al-Sayyid Sharaf al-Dīn Aḥmad (Beirut: Dār al-Fikr, 1975), 7: 449; al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī, *Taqrīb al-Tahdhīb* (Syiria: Dār al-Rashīd, 1986), 549; Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sijistānī, *Sunan Abū Dāwūd* ed. Shu‘ayb al-Arnaūṭ dan Muḥammad Kāmil Qurrah (Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah, 2009), 1: 131 dan al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn, *Sāḥīḥ Sunan al-Tirmidhī* (Riyād: Maktabat al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 3: 210.

مَا مِنْ أَحَدٍ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ يَسْتُرُهُ أَنْ يَرْجِعَ إِلَى الدُّنْيَا غَيْرَ الشَّهِيدِ فَإِنَّهُ يُحِبُّ أَنْ يَرْجِعَ إِلَى الدُّنْيَا

يَقُولُ حَتَّى أَقْتَلَ عَشْرَ مَرَّاتٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ مِمَّا يَرَى مِمَّا أُعْطَاهُ مِنَ الْكِرَامَةِ

Terjemahan: Tidak ada seorang pun daripada penghuni syurga yang gembira untuk kembali semula ke dunia melainkan orang yang mati syahid. Sesungguhnya dia suka untuk kembali lagi ke dunia. Dia berkata, “supaya aku terbunuh sepuluh kali di jalan Allāh.” Demikian itu adalah kerana dia telah melihat kemuliaan yg diberikan oleh Allāh kepadanya.”⁷²

Seandainya roh itu termasuk dalam kalangan roh orang mukmin dan dirahmati Allah, dia tidak lagi ingin pulang ke dunia. Roh orang jahat pula disibukkan dengan azab kubur yang pedih.⁷³ Perspektif Sunnah di sini jelas menunjukkan bahawa roh orang yang telah meninggal dunia tidak boleh kembali ke dunia. Jadi, apakah sebenarnya yang muncul dalam pelbagai bentuk seperti cahaya, lembaga, asap, binatang dan sebagainya semasa roh orang mati diseru? Dari manakah sumber suara yang kedengaran semasa ritual menghadirkan roh? Sunnah menyatakan bahawa kesemua itu adalah campur tangan jin dan syaitan yang berkebolehan menjelma dalam rupa makhluk lain seperti manusia, ular dan anjing hitam.⁷⁴

⁷² Hadis riwayat al-Tirmidhī. Beliau bahawa hadis ini *hasan ṣaḥīḥ*. Hadis ini telah dinilai sebagai sahih oleh al-Albānī. Lihat Abū ‘Īsā al-Tirmidhī, “Jāmi’ al-Tirmidhī” dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf*, 1820 (Kitāb Fadāil al-Jihād, Bāb mā Jā’ fī Thawāb al-Shahīd, no. Hadis 1643), dan 1822 (Kitāb Faḍāil al-Jihād, Bāb fī Thawāb al-Shahīd, no. Hadis 1661) daripada Anas bin Mālik RA Lihat al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, 2: 231 dan 239.

⁷³ Ahli Sunnah wal Jamaah beriman bahawa azab kubur adalah benar berdasarkan al-Kitāb dan al-Sunnah. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat adakah ia dikenakan kepada jasad atau roh. [Pertama] Ibn Jarīr al-Ṭabarī dan sebahagian besar puak al-Karrāmiyyah mengambil pendapat daripada kisah ini bahawasannya pertanyaan di dalam kubur itu terjadi kepada badan sahaja. Allah SWT memberikan kemampuan kepada mereka untuk mendengar dan mengetahui serta merasakan adanya nikmat dan azab. [Kedua] Ibn Ḥazm dan Ibn Hubayrah pula berpendapat bahawa pertanyaan terjadi hanya pada roh sahaja. [Ketiga] Majoriti para ulama berbeza dengan mereka dan berpendapat bahawa roh dikembalikan ke badan atau sebahagian (anggota badan). Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1960), 3: 235.

⁷⁴ Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf*, 180-181 (Kitāb al-Wakālah, Bāb Idhā Wakkāl Rajulān fa Tarak al-Wakīl Shay’an fa Ajāzah al-Muwakkil fa Huwa Jā’iz wa in Aqraḍah ilā Ajal Musammā Jāz, no. Hadis 2311), 265 (Kitāb Bad’ al-Khalq, Bāb Ṣifat Iblīs wa Junūdih, no. Hadis 3275) dan 434 (Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb Faḍl Sūrat al-Baqarah, no. hadts 5010). Kesemuanya secara

Destinasi Roh Selepas Mati

Animis percaya bahawa roh orang mati bukan sahaja mendiami makhluk hidup tetapi juga benda-benda mati. Dikatakan roh juga terdapat dalam batu-batuan, pohon-pohon besar, senjata-senjata, peralatan muzik warisan dan sebagainya. Roh-roh itu dipuja sebagai tanda membalas kebaikan atau tidak diganggu dan terhindar daripada kemarahan mereka.

Mariasusai Dhavamony menyimpulkan bahawa terdapat tiga bentuk kepercayaan tentang keadaan dan keberadaan roh selepas kematian tubuh badan seperti berikut:

1. Roh itu melayang-layang di permukaan bumi dan berinteraksi dengan manusia hidup seperti mengunjungi rumahnya.
2. Konsep kelahiran semula, penjelmaan kembali makhluk yang telah mati atau dikenali juga sebagai *reinkarnasi*⁷⁵ atau *tanāsukh al-arwah*.⁷⁶ Ia menjelma kembali sama ada dalam rupa manusia, binatang atau tumbuh-tumbuhan.
3. Kepercayaan kepada kewujudan alam baru yang berlainan dimensi sebagai tempat tinggal roh orang mati seperti di kepulauan, bawah tanah atau gunung-ganang. Roh-roh itu melanjutkan kehidupan yang mirip dengan kehidupan duniawi, diberikan ganjaran atau dihukum mengikut perbuatan mereka ketika masih hidup di dunia.⁷⁷

Perspektif Sunnah: Destinasi roh menurut Sunnah adalah bukan lagi berada di dunia bersama manusia. Roh orang mati berada di alam Barzakh iaitu suatu dimensi yang jauh berbeza dengan dimensi manusia hidup. Para ulama Islam bersepakat bahawa roh berada di alam barzakh. Namun, mereka berbeza pendapat dalam menentukan tempat roh secara spesifik.⁷⁸ Penulis memilih pendapat yang mengatakan bahawa roh orang beriman berada di *'Illyyīn* iaitu sebuah tempat di langit ketujuh, manakala roh orang kafir dan zalim pula di *Sijjīn* iaitu tempat di dasar bumi. Di samping itu, kedudukan

mu'allaq iaitu berkata 'Uthmān bin al-Haytham Abū 'Amr daripada 'Awf daripada Muḥammad bin Sīrīn daripada Abū Hurayrah RA.

⁷⁵ Ramesh Chopra, "Reincarnation" dalam *Encyclopedic Dictionary of Religion*, 3: 647.

⁷⁶ *Ibid*, 3: 748.

⁷⁷ Mariasusai Dhavamony, *Phenomenology of Religion*, 69.

⁷⁸ Ibn Abī al-'Izz al-Ḥanafī mengumpulkan kesemua pendapat tentang *mustaqar al-arwāh* dalam kitabnya *Sharḥ al-Aqīdah al-Ṭahāwīyah* sebanyak 15 pendapat, 13 daripadanya pendapat sarjana Islam dan dua daripada kepercayaan lain. Lihat Ibn Abī al-'Izz, Ṣadr al-Dīn Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Ḥanafī al-Adhra'ī al-Sālihī, *Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyah* ed. Aḥmad Shākīr (Arab Saudi: Wizārah al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf wa al-Da'wah wa al-Irshād, 1997), 398-399.

orang beriman di *'Illiyīn* pula berbeza-beza.⁷⁹ Kedudukan tertinggi ialah kedudukan roh Rasulullah SAW dan roh nabi-nabi lain. Kedudukan mereka pula berbeza berdasarkan martabat mereka di sisi Allah SWT. Abū Hurayrah RA berkata:

“Apabila roh orang-orang mukmin keluar daripada tubuhnya, dua malaikat menyambutnya dan mengangkutnya ke langit. Kata Ḥammād, “Kerana baunya harum seperti kasturi,” kata penduduk langit, “Roh yang baik datang dari Bumi. Ṣallā Allāh ‘Alayk (semoga Allāh melimpahkan kebahagiaan kepadamu) dan kepada tubuh tempat engkau bersemayam.” Lalu roh itu dibawa ke hadapan Tuhannya ‘Azz wa Jall. Kemudian Allah berfirman, “Bawakan dia ke ākhir al-ajal (Sidratul Muntahā) dan biarkan di sana hingga hari Kiamat.” Berkata Abū Hurayrah selanjutnya, “Apabila roh orang-orang kafir keluar dari tubuhnya - kata Ḥammād, berbau busuk dan mendapat makian - maka berkata penduduk langit, “Roh jahat datang dari Bumi.” Lalu diperintahkan, “Bawalah dia ke ākhir al-ajal (Sijjīn atau penjara) dan biarkan di sana hingga hari Kiamat.” Abu Hurayrah berkata, “Maka Rasulullah SAW mengalihkan kain nipis yang berada di atas hidung baginda seperti ini.” (tanda menghidu bau busuk).”⁸⁰

Persepsi Umum Terhadap Animisme

Dalam meneliti agama, ahli antropologi tidak menitikberatkan perhatiannya kepada kebenaran terhadap mana-mana ideologi berdasarkan keyakinan dan kepercayaan, tetapi memfokuskan kepada kewujudan, teologi dan realiti yang ada berdasarkan penyelidikan bercorak empiris.⁸¹

Dalam kajian teologi, terdapat agama yang mengandungi elemen-elemen animisme seperti penyembahan roh, kepercayaan kepada kesaktian, pemujaan semangat dan sebagainya. Agama-agama dunia yang terkesan dengan unsur animisme adalah seperti Shinto, Serer, Hindu, Buddha, Jainisme, Paganisme dan Neopaganisme. Unsur animisme kebanyakannya telah lenyap dengan kemunculan agama-agama, tetapi ia adalah asas kepada

⁷⁹ Penulis emilih pandangan Ibn al-Qayyim dalam kitabnya, al-Rūḥ sebagai cantuman kepada pendapat-pendapat para ulama. Lihat Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abū Bakr, *al-Rūḥ fī al-Kalām ‘alā Arwāḥ al-Amwāt wa al-Ahyā’ bī al-Dalā’il min al-Kitāb wa al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1975), 115.

⁸⁰ Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf*, 1175-1176 (Kitāb Ṣifat al-Jannah wa Ṣifat Na’īmihā wa Ahlihā, Bāb ‘Arḍ Maq’ad al-Mayyit min al-Jannah aw al-Nār ‘Alayh..., no. Hadis 2872).

⁸¹ Tedi Sutardi, *Antropologi Mengungkap Keragaman Budaya*, 22.

agama Shinto di Jepun.⁸² Menurut penelitian pengkaji, serpihan umat Islam juga terpengaruh dengan unsur animisme seperti dalam aliran Syiah dan pelampau Tasawuf.

Perspektif Sunnah: Sebagai agama yang sentiasa menekankan kemurnian akidah, Islam melalui medium al-Quran dan Sunnah menjelaskan bentuk-bentuk syirik dan cara-cara pencegahannya. Dalam artikel ini penulis hanya memfokuskan metodologi Sunnah membasmi animisme hingga ke akar umbi.

Sunnah mengambil satu persepsi yang tegas dalam hal ini. Sunnah menyatakan bahawa animisme adalah satu bentuk syirik, dongeng, tahayul dan khurafat. Teori-teori tentang roh, semangat dan makhluk *supernatural* yang dikemukakan oleh ahli antropologi barat saling bercanggah. Hipotesis mereka melalui hasil observasi kepada masyarakat peribumi pula tidak seragam. Justeru itu, Sunnah mengemukakan beberapa metode khusus bagi membendung umat Islam daripada terjebak atau terpengaruh dengan unsur animisme.

1. Memohon doa daripada selain Allah seperti roh orang mati, jin, semangat alam seumpamanya adalah penyekutuan kepada Allah SWT.
2. Sikap ekstrem dalam mengagungkan manusia seperti nenek moyang, ketua suku atau tokoh agama sama ada ketika mereka masih hidup atau telah meninggal dunia sangat ditegah.
3. Tiada kesaktian dan keramat pada tangkal dan azimat. Roh orang mati tidak mendiami objek-objek tertentu. Hakikatnya, tangkal, guna-guna, azimat dan seumpamanya tidak memberi sebarang manfaat kepada penggunaanya. Kadangkala ia mengandungi jin dan syaitan yang digelar sebagai khadam.
4. Individu-individu yang terlibat dalam *shamanism* seperti ahli sihir, tukang ramal, tukang tilik, pawang, bomoh, tok batin dan sebagainya adalah agen yang berinteraksi secara langsung dengan jin dan syaitan.
5. Sunnah membantah sistem peraturan sosial berasaskan pantang larang, kepercayaan kepada sial, ketulahan dan tabu. Sistem ini tidak logik melainkan hanya untuk mendidik manusia dengan cara menakut-nakutkan mereka.

⁸² Hassan Shadily, "Animisme," dalam *Ensiklopedi Umum* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, cet-20, 2012), 62.

Rumusan perbandingan antara dua perspektif menunjukkan hampir keseluruhan aspek adalah berbeza. Titik persamaan dapat ditinjau hanya pada aspek mengiktiraf kewujudan alam ghaib dan nyata; dan klasifikasi roh kepada baik dan jahat. Perinciannya boleh dirujuk pada jadual di bawah:

iv. Jadual 3: Animisme Antara Perspektif Sunnah dan Ahli Antropologi Barat.

No.	Aspek Perbandingan	Ahli Antropologi Barat	Sunnah Nabawi
1	Sumber Data Tentang Agama, Roh dan Alam Ghaib	Data daripada sumber kajian empirikal. Pemerhatian dibuat kepada komuniti-komuniti tertua di dunia.	Data tentang roh dan alam ghaib mestilah berpandukan al-Quran dan hadis.
2	Dua Dimensi Alam	Mengiktiraf kewujudan dua dimensi alam; alam nyata dan alam ghaib dengan perspektif tersendiri.	Mengiktiraf kewujudan dua dimensi alam; alam nyata dan alam ghaib dengan perspektif tersendiri.
3	Agama dan Kepercayaan Tertua	Animisme adalah kepercayaan tertua dan asas kepada semua agama.	Tauhid adalah asal kepercayaan manusia. Syirik dalam pelbagai bentuk seperti animisme muncul terkemudian.
4	Bentuk Roh	Bentuk dan sifat roh hampir sama dengan orang hidup.	Roh adalah jisim halus. Banyak perbezaan dengan orang hidup.
5	Klasifikasi Roh Baik dan Roh Jahat	Roh diklasifikasikan kepada baik dan jahat berdasarkan watak dan peranannya kepada orang hidup.	Roh diklasifikasikan kepada baik dan jahat berdasarkan amalan mereka semasa masih hidup.

6	Korelasi Antara Roh Orang Mati dan Orang Hidup	Roh masih dapat berhubung, mendatangkan kebaikan atau keburukan dengan orang hidup.	Tiada hubungan antara roh dan orang hidup melainkan dalam mimpi.
7	Destinasi Selepas Mati	Roh Setelah berpisah dengan jasad, roh terawang-awang di muka bumi, berpindah kepada jasad baru atau di alam ghaib.	Roh berada di alam Barzakh. Kedudukannya berbeza berdasarkan amalan ketika hidup di alam nyata.
8	Persepsi Umum Terhadap Animisme	Tidak menitikberatkan soal kebenaran ideologi. Banyak agama-agama dipengaruhi animisme.	Menolak animisme. Ia adalah syirik dan khurafat.

Sumber: Analisis Perbandingan Antara Perspektif Sunnah dan Ahli Antropologi Barat.

Kesimpulan

Teori animisme masih hangat diperdebatkan oleh para sarjana antropologi barat dan ilmuwan Islam. Daripada paparan berbentuk komparatif antara teori sebilangan ahli antropologi barat dan Sunnah, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat hanya sedikit persamaan antara dua perspektif terhadap animisme. Perbezaan adalah lebih ketara dan sukar untuk dicari titik pertemuan. Justeru itu, Islam melalui al-Quran dan Sunnah memerangi segala bentuk isme-isme yang bercanggah dengan wahyu demi menjadi kesucian dan kemurnian tauhid.

Bibliografi

- ‘Alī bin Sa‘īd al-‘Ubaydī, *al-Mawsū‘ah al-Shāmilah li Madhhab al-Rūhiyyah al-Ḥadīthah* (Riyadh: Dār Kunūz Ishbīliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2006)
- Adamson Hoebel, *Man in Primitive World An Introduction to Antropology*, New York, McGraw-Hill Book Companay, 1958.

- Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu* (Kuala Lumpur: UtusanPublication & Distributors Sdn Bhd)
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Ali, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1960)
- Al-Bassām, ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Raḥmān, *Tawḍīḥ al-Aḥkām Min Bulūgh al-Marām* (Makkāh: Maktabat al-Asadī, 2003)
- Al-Juhanī, Māni’ bin Ḥammād (Dr), *al-Mawsū‘ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib wa al-Aḥzāb al-Mu‘āṣarah* (Riyad: Dar al-Nadwah al-‘Ālamiyyah, cet-4, 1996)
- Al-Masīrī, ‘Abd al-Wahhab (Dr), *Mawsu‘at al-Yahūd wa al-Yahudiyyat wa al-Sahyuniyyat* (Kaherah: Dar al-Shuruq, cet-3, 2006),
- Al-Musayyar, Muḥammad Sayyid Aḥmad (Dr.), *al-Rūḥ fī Dirāsāt al-Mutakallimīn wa al-Falāsifah* (Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, 1988)
- Al-Qafari, Nasir bin ‘Abd Allah dan al-‘Aql, Nasir bin ‘Abd al-Karim, *al-Mujaz fī al-Adyan wa al-Mazahib al-Mu‘asarah*, (Riyad: Dar al-Sami’I, 1992),
- Al-Rāzī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥasan al-Taymī, Fakhr al-Dīn, *al-Tafsīr al-Kair* atau *Maḥāṭib al-Ghayb*, cet, ke-3 (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1999)
- Al-Sāmūk, Sa‘dūn Maḥmūd (Dr.), *Mawsū‘at al-Adyān wa al-Mu‘taqadāt al-Qadīmah* (Jordan: Dār al-Manāhij, 2002)
- Bron Taylor, *Encyclopedia of Religion and Nature* (New York: A&C Black, 2008)
- Christina Pratt, *An Encyclopedia of Shamanism* (New York: The Rosen Publishing Group, 2007), 1: viii.
- Dra. Noorkasiani et al., *Sosiologi Keperawatan* (Jakarta: Penerbit Buku Kedokteran EGC, 2009)
- Drs. D. Hendroospito, *Sosiologi Agama* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, cet-22, 2006)
- Edward Burnett Tylor, *Primitive Culture Researches Into Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom* (London: John Murrey, 1873)
- Graham Harvey, *Animism: Respecting the Living World* (New York: Columbia University Press, 2006)
- Harun Hadiwijono, *Religi Suku Murba Di Indonesia* (Jakarya: BPK Gunung Mulia, 2000)
- Henrika Kuklick, *New History of Anthropology* (United Kingdom: Blackweell Publishing Ltd., 2009)
- Hermansyah, *Ilmu Gaib di Kalimantan Barat* (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, 2010)

- Ibn Abī al-‘Izz, Ṣadr al-Dīn Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Ḥanafī al-Adhra‘ī al-Ṣāliḥī, *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṭahāwiah* ed. Aḥmad Shākīr (Arab Saudi: Wizārah al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah wa al- Awqāf wa al-Da‘wah wa al-Irshād, 1997)
- Ibn Ḥibbān, Abū Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān al-Bustī, *al-Thiqāt* ed, al-Sayyid Sharaf al-Din Aḥmad (Beirut: Dār al-Fikr, 1975)
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘il bin Kathīr bin ‘Umar al-Qurashī al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur‘an al-‘Aẓīm* ed. Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Riyād: Dār Ṭaybah li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 1999)
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abū Bakr, *al-Rūḥ fī al-Kalām ‘alā Arwāḥ al- Amwāt wa al-Aḥyā’ bī al-Dalā’il min al-Kitāb wa al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1975).
- Ibn Taymīyah, Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin ‘Abd al-Salām Shaykh al-Islām, *Majmū‘ al-Fatāwā* (Madinah: Mujammā‘ al-Malik Fahd, 1995)
- Ibrāhīm Muṣṭafā, Aḥmad al-Zayyāt, Ḥāmid ‘Abd al-Qādir dan Muḥammad al-Najjār, *al-Mu‘jam al-Wasīf* ed. Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiah (Mesir: Dār al-Da‘wah, t.t).
- John G. R. Forlong, *Encyclopedia of Religions* (New York, Cosimo, Inc, 2008) John Scott, *Fifty Key Sociologists: The Formative Theorists* (New York:Routledge, 2007).
- Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005)
- Manuel Velasquez, *Philosophy: A Text with Readings* (Boston: Cengage Learning, 2013)
- Mariasusai Dhavamony, *Phenomenology of Religion: Fenomenologi Agama*, terj. G. Ari Nugrahamta et al. (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, cet-11, 2011)
- Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2000)
- Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Imām, *al-Idāḥ wa al-Tabyīn Limā Ṣaḥḥ mim mā lam Yaṣiḥ min al-Aḥādīth wa al-Āthār wa al-Hawātif fī al-Jinn wa al-Shayāṭīn* (Ṣan‘ā’ : Maktabat al-Imām al-Wādi‘ī, 2009)
- Muḥammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaymīn, *Majmū‘ Fatāwā wa Rasā’il Faḍīlat al-Shaykh Muḥammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaymī* ed. Fahd bin Ḥamīd bin Ibrāhīm Āli Sulaymān (Riyād: Dār al-Waṭan dan Dār al-Thurayyā, 1992)
- Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘āṣarah* ed. Aḥmad Mukhtār ‘Abd al-Ḥamīd ‘Umar (t.t: ‘Ālam al-Kutub, 2008)
- Paul A. Erickson dan Liam D. Murphy, *Readings for a History of Anthropological Theory* (Canada: University of Toronto Press, 2013)

- R. P. Suyono, *Ajaran Rahasia Orang Jawa* (Yogyakarta: PT LKiS Pelangi Aksara, 2008)
- Rahmat, S. H (Dr), *Dari Adam Sampai Muhammad, Sebuah Kajian Mengenai Agama-Agama*, (Kota Bharu, Pustaka Aman Press, cet2, 1979)
- Ramesh Chopra, *Encyclopedic Dictionary of Religion* (Delhi: Isha Books, 2005)
- Robert S. Ellwood dan Gregory D. Alles, *The Encyclopedia of World Religions* (New York: Infobase Publishing, 2009)
- Tedi Sutardi, *Antropologi Mengungkap Keragaman Budaya* (Bandung: Penerbit IPT Setia Puma Inves, 2007)
- Wendy Doniger, *Merriam-Webster Encyclopedia of World Religions* (Amerika Syarikat: Merriam-Webster, 1999)
- William H. Swatos dan Peter Kivisto, *Encyclopedia of Religion and Society* (California: Rowman Altamira, 1998)